

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN  
DEWAN NEGARA MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA  
PARLIMEN KETIGA BELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**TARIKH : 17 April 2017**

**SOALAN**

Tuan Chandra Mohan a/l S.Thambirajah minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan jumlah kes penderaan kanak-kanak yang berlaku di TASKA dan pusat jagaan kanak-kanak bagi tahun 2015, 2016 dan 2017 (sehingga 31 Mac 2017) dengan pecahan mengikut jenis penderaan, tindakan yang telah diambil terhadap pengendali pusat-pusat tersebut dan langkah untuk mengawal kejadian sedemikian.

## **JAWAPAN**

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) memandang serius terhadap kes penderaan yang berlaku di TASKA dan pusat jagaan. Berdasarkan statistik Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), pada tahun 2015 sebanyak 211 kes penderaan berlaku di TASKA dan sebanyak 4 kes di pusat jagaan kanak-kanak. Pada tahun 2016 sebanyak 328 kes penderaan berlaku di TASKA dan sebanyak 14 kes di pusat jagaan kanak-kanak. Bagi tahun 2017 (sehingga bulan Mac 2017), sebanyak 7 kes penderaan berlaku di TASKA dan 5 kes di pusat jagaan kanak-kanak. Semua kes penderaan yang berlaku melibatkan penderaan fizikal. Kementerian telah mengambil tindakan tegas ke atas TASKA dan pusat jagaan yang terlibat dengan kes penderaan ke atas kanak-kanak. Antara tindakan yang diambil ke atas pengusaha dan pengendali ialah dengan mengenakan tindakan penguatkuasaan seperti dakwa di mahkamah, lak dan dikenakan kompaun. Di samping itu, pihak Polis DiRaja Malaysia (PDRM) akan mengambil tindakan undang-undang atas kesalahan jenayah mengikut Seksyen 31, Akta Kanak-Kanak 2001. Peranan dan tanggungjawab mengawal selia TASKA dan pusat jagaan terletak di bawah bidang tugas agensi di bawah kementerian iaitu JKM, maka langkah dan tindakan berbentuk advokasi, pemantauan, kawalan dan punitif sememangnya menjadi keutamaan bagi menangani isu-isu keselamatan dan perlindungan ke atas kanak-kanak termasuklah kes penderaan terhadap kanak-kanak. Antara langkah-langkah yang diambil oleh pihak kementerian dalam usaha mengawal dan mencegah berlakunya kes penderaan di TASKA dan pusat jagaan kanak-kanak adalah seperti berikut: 1) Menjalankan pemeriksaan berkala dan mengejut ke atas TASKA dan pusat jagaan kanak-kanak oleh Pegawai DiBeri Kuasa (PDBK) bagi memastikan kualiti perkhidmatan asuhan serta jagaan memenuhi standard minimum yang ditetapkan oleh JKM; 2) Mengenakan tindakan penguatkuasaan ke atas pengusaha TASKA dan pengendali pusat jagaan kanak-kanak yang melanggar Akta TASKA 1984 [Akta 308] dan Akta Pusat Jagaan 1993 [Akta 506] serta peraturan-peraturan yang berkaitan; 3) Membuat pindaan Akta Kanak-Kanak 2001 dengan mengenakan hukuman yang lebih tinggi kepada pesalah; 4) Mewujudkan Task Force Ramping Up The ECCE Industry (Task Force ECCE) yang berperanan untuk menangani isu-isu di TASKA termasuk isu keselamatan dan penderaan kanak-kanak; 5) Menjalankan Audit Pematuhan TASKA ke atas 600 buah TASKA berdaftar di seluruh Malaysia bagi memastikan TASKA menyediakan perkhidmatan pengasuhan dan pendidikan yang berkualiti serta mematuhi Akta dan peraturan-peraturan yang ditetapkan; 6) Mengadakan program advokasi seperti Program Jom Daftar untuk menggalakkan pengusaha TASKA dan pengendali pusat jagaan mendaftarkan operasi mereka dengan JKM; dan 7) Bekerjasama dengan pihak media dan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) dalam membantu meningkatkan kesedaran awam tentang isu-isu keselamatan dan perlindungan kanak-kanak. Menerusi tindakan-tindakan yang dilakukan oleh pihak kementerian diharap dapat mengatasi kejadian kes penderaan yang melibatkan kanak-kanak di TASKA dan pusat jagaan. Namun begitu, tindakan-tindakan yang telah diambil ini tidak akan berjaya sepenuhnya tanpa sokongan dan kerjasama semua pihak terutamanya daripada masyarakat umum.

